

Perancangan Kewangan ke arah Perkahwinan dalam Kalangan Belia

Financial Planning for Marriage Among Youth

Nur Muzdalifah Zulkarnain
¹Zaimah Ramli

Program Sains Pembangunan
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: muzdalifahfaa@gmail.com;
¹zaimahr@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kewangan merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam kehidupan. Semua orang perlu merancang kewangan masing-masing tidak kira kaya atau miskin. Hal berkaitan kewangan bukan hanya memberi kepuasan terhadap kewangan, tetapi turut memberi kepuasan dalam perkahwinan dan kualiti hidup keseluruhannya. Namun, keadaan ekonomi yang kian mencabar dan kehendak mengimpikan perkahwinan mewah merupakan cabaran yang dihadapi oleh pasangan yang menuju ke arah perkahwinan pada masa kini. Kajian lepas menunjukkan terdapat individu yang baharu dua tahun berkahwin telah merasa tidak puashati dengan perkahwinan mereka. Masalah kewangan merupakan antara punca utama kepada konflik dalam perkahwinan. Oleh itu, objektif kajian adalah mengukur tahap perancangan kewangan belia ke arah perkahwinan dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tahap perancangan berkenaan. Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui kaedah menggunakan borang soal selidik. Teknik persampelan bertujuan akan digunakan bagi pengutipan data. Sasaran sampel adalah 85 orang belia (berumur 18 hingga 40 tahun) dan belum berkahwin. Statistik deskriptif akan digunakan bagi menjawab objektif kajian. Jangkaan hasil kajian ialah sebahagian besar belia mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin. Faktor yang mempengaruhinya adalah elemen perkhidmatan yang menjadi pilihan utama belia dalam majlis perkahwinan, seperti pakej katering, kad kahwin dan sebagainya. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu belia untuk lebih bijak merancang perbelanjaan untuk berkahwin pada masa akan datang.

Kata kunci: perancangan kewangan, simpanan, perbelanjaan, perkahwinan, belia

1. Pengenalan

Kewangan ialah suatu aspek yang sangat penting dalam kehidupan. Semua orang perlu merancang kewangan masing-masing tidak kira kaya atau miskin. Menurut Nor Syahidah dan Norasmah (2017), pengurusan kewangan merupakan aspek yang penting dan perlu dikuasai oleh semua insan. Pengurusan kewangan umumnya berkaitan dengan perolehan, peruntukan dan kawalan sumber kewangan yang menjadi kebimbangan individu. Pengurusan kewangan melibatkan perancangan kewangan. Perancangan kewangan adalah proses di mana seseorang bergerak ke arah tujuan matlamat peribadi dan kewangan melalui pembangunan dan

pelaksanaan pelan kewangan komprehensif. Namun, perancangan kewangan yang tidak efektif akan menyebabkan berlaku krisis kewangan (Willis, 2008).

Hal kewangan bukan hanya memberi kepuasan kewangan tetapi juga kepuasan perkahwinan dan kualiti hidup (Zeynep Copur & Isil Eker, 2014). Kesulitan kewangan dan rasa tidak puas hati dengan status kewangan seseorang boleh menyebabkan konflik perkahwinan dan penceraian. Dalam kajian beliau juga menerangkan isu-isu kewangan adalah punca perselisihan yang sama dalam hubungan peribadi, perkahwinan dan keluarga. Apabila pasangan berhujah tentang kewangan, mereka lebih tidak setuju tentang bagaimana kewangan diuruskan atau dibelanjakan, walhal mereka juga perlu bimbang dengan berapa banyak atau sedikit kewangan yang mereka miliki. Kewangan banyak dikaitkan sebagai penyebab penceraian berlaku.

Keadaan ekonomi yang kian mencabar dan kehendak mengimpikan perkahwinan yang mewah merupakan cabaran yang dihadapi oleh pasangan yang menuju ke arah perkahwinan. Sehubungan dengan itu, di Kuala Lumpur, majlis perkahwinan di luar kemampuan kewangan sudah menjadi sinonim dengan masyarakat di negara ini meskipun terpaksa berhutang berbelas dan berpuluhan ribuan ringgit. Kajian oleh Pusat Kecemerlangan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (FACE) Fakulti Ekonomi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap 549 individu yang baharu dua tahun berkahwin mendapati 37 peratus daripadanya sudah meluahkan rasa tidak berpuas hati dengan perkahwinan mereka. Masalah kewangan menjadi punca utama kepada konflik perkahwinan mereka dan masalah itu jauh berbanding isu-isu lain termasuk sikap pasangan, pengurusan konflik, masalah komunikasi dan lain-lain. Ketua FACE, Prof. Madya Dr Rumaya Juhari menjelaskan ramai pasangan suami isteri pada masa kini gagal membuat perancangan kewangan untuk jangka masa panjang dan mengambil langkah mudah terhadap tren meminjam wang untuk berkahwin walaupun kosnya mencecah antara RM25,000 hingga RM35,000.

Tambahan lagi, isu dan hutang kewangan adalah tanggungjawab yang hampir semua orang perlu pikul. Oleh kerana itu, tanggungjawab ini akan meningkat apabila mereka mula bernikah atau berkahwin (Liezal & Chrizaan, 2015). Terdapat juga kajian-kajian sebelum ini yang berkaitan dengan perancangan kewangan individu. Namun, kajian tentang perancangan kewangan perkahwinan dalam kalangan belia khususnya tidak ditemui. Kebanyakan pengkaji lepas menyentuh aspek perancangan kewangan selepas persaraan, perancangan kewangan pekerja dan pelajar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengukur apakah tahap perancangan kewangan belia ke arah perkahwinan dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap perancangan tersebut.

2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur dalam kajian ini telah menyentuh berkaitan dengan konsep pengurusan kewangan, perancangan kewangan, perbelanjaan perkahwinan dan sumber kewangan. Hal ini untuk menjelaskan dengan lebih mendalam tentang aspek yang dikaji oleh pengkaji. Selain itu, beberapa kajian pengkaji dalam dan luar negara diambil sebagai rujukan kepada pengkaji untuk lebih memahami tentang konsep perancangan kewangan dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap perancangan kewangan individu dan keluarga.

2.1 Pengurusan Kewangan

Menurut Normaizatul et al. (2016), pengurusan kewangan boleh ditakrifkan sebagai satu set tingkah laku dalam pengurusan tunai dan kredit, perancangan kewangan, insurans, persaraan, pelaburan dan perancangan harta. Dalam kajian beliau menyatakan masalah kewangan dalam golongan dewasa muda, berpunca dari cara individu menguruskan kewangan peribadi mereka seperti ketidakupayaan untuk menguruskan perbelanjaan. Kajian beliau juga menerangkan

ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurang-kurangnya RM30,000 oleh penghutang boleh diisyiharkan bankrap menurut perintah Adjudikasi yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi. Golongan dewasa muda yang berumur 18 hingga 35 tahun di Malaysia dilaporkan mempunyai masalah hutang yang serius disebabkan perbelanjaan melebihi pendapatan.

Selain daripada itu, pengurusan kewangan peribadi membantu individu menguruskan kewangan rumah termasuklah belanjawan, simpanan, pelaburan, pengurusan hutang dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan wang peribadi di mana seseorang individu dapat mencapai matlamat peribadi (Thulasimani, 2015). Dalam kata lain, pengurusan kewangan peribadi adalah proses mengawal pendapatan dan menyusun perbelanjaan melalui perancangan kewangan. Menurut Noraihan, Hasmida dan Syaiful (2013), pengurusan kewangan yang baik melibatkan perancangan kewangan yang dapat membantu mengenalpasti cara-cara menyediakan belanjawan, membelanjakan sesuatu wang dan membuat simpanan.

2.2 Perancangan Kewangan

Perancangan kewangan adalah proses meramalkan, mengumpul, mengeluarkan, melabur dan merancang wang tunai yang diperlukan oleh individu untuk beroperasi dengan lancar (Irawan et al., 2018). Dalam kajiannya, perancangan kewangan adalah sangat penting untuk hidup, meminimumkan risiko bencana kewangan, boleh melabur secara optimum dan mengumpul kekayaan dalam tempoh tertentu. Menurutnya lagi, pengetahuan kewangan akan mempunyai kesan langsung kepada perancangan kewangan peribadi jika disokong oleh pemahaman dan pengetahuan kewangan.

Seterusnya, Garman dan Forgue (2006), perancangan kewangan didefinisikan sebagai proses membangunkan dan melaksanakan pelan kewangan yang diselaraskan untuk mencapai kejayaan kewangan. Selain daripada itu, perancangan kewangan pada asasnya merujuk kepada anggaran pendapatan masa depan, perbelanjaan dan isu yang berkaitan (Abdul Jalil et al., 2013). Menurutnya, pelan kewangan merujuk kepada cara penggunaan tunai untuk menampung perbelanjaan masa depan. kajian beliau berkaitan dengan perancangan kewangan selepas persaraan di Malaysia. Perancangan kewangan selepas persaraan di Malaysia telah dipertingkatkan lagi oleh para perancang kewangan dan masyarakat umum di mana pengetahuan, pembelajaran, sikap dan budaya sedang difokuskan dengan teliti oleh komuniti perniagaan pada hari ini.

Menurut Kapoor et al. (2012), perancangan kewangan peribadi merupakan proses mengurus kewangan individu untuk mencapai kepuasan ekonomi peribadi. Proses ini membolehkan seseorang individu mengawal keadaan kewangan. Selain itu, fungsi perancangan kewangan peribadi adalah untuk merancang keperluan masa depan kewangan isi rumah atau keluarga secara efisien yang wujud sejak manusia mempunyai pilihan untuk sumber mereka (Husniyah, A.R & Mohd. Amin, O., 2013). Perancangan kewangan peribadi adalah pelaksanaan pelan kewangan jangka panjang yang bersepada. Ia meragumi beberapa komponen seperti merancang pembelian kereta, pembelian rumah, pendidikan kanak-kanak, permohonan kredit, perlindungan daripada risiko kewangan, pengagihan harta tanah, keperluan persaraan dan pengurangan cukai.

2.3 Perbelanjaan Perkahwinan

Menurut Nurul Madihah (2017), perbelanjaan perkahwinan perlu diuruskan dengan sebaiknya oleh individu yang ingin mendirikan rumah tangga. Beliau mengkaji gelagat perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu Muslim menurut perspektif syariah. Perbelanjaan dalam perkahwinan menurut syariah mestilah untuk perkara yang bermanfaat, mengikut keutamaan, berbelanja secara sederhana dan mengikut kemampuan, memudahkan urusan perbelanjaan dan bekerjasama menguruskan perbelanjaan. Menurutnya lagi,

kewujudan pelbagai adat resam perkahwinan yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu seperti majlis merisik, pemberian wang hantaran kepada keluarga pengantin perempuan dan pertukaran hadiah hantaran dalam majlis pertunangan serta perkahwinan telah menyumbang peningkatan kepada perbelanjaan perkahwinan pada masa kini.

Menurut Khairuddin dan Fauzi (2016), majlis perkahwinan masyarakat Melayu kini berbeza dengan masyarakat Melayu tradisional. Kebanyakan majlis masa kini lebih mementingkan perkara yang tidak wajib seperti kepelbagaian komoditi-komoditi dan perkhidmatan perkahwinan yang secara langsung membawa ke arah pembaziran dan perbuatan berlebih-lebihan. Dalam kajiannya menyebut berkaitan tema atau konsep perkahwinan, pakej perkahwinan, barang hantaran, pakej jurugambar dan pembentukan impian melalui perantara budaya baharu.

2.4 Sumber Kewangan

Menurut Josephine Turner et al. (2008), sumber wang termasuk gaji, faedah ke atas akaun bank, pendapatan sewa, hadiah, warisan, bonus, komisen dan pampasan pengangguran. Manakala menurut Nurul Madihah (2017), sumber kewangan terdiri daripada wang simpanan, sumbangan, pinjaman dan tabungan khas.

2.5 Simpanan

Simpanan adalah bahagian pendapatan yang tidak dibelanjakan untuk perbelanjaan semasa (Anon, 2010). Simpanan adalah penting kerana seseorang individu tidak mengetahui apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Wang harus disimpan untuk membayar peristiwa atau kecemasan yang tidak dijangka. Tanpa simpanan, peristiwa yang tidak dijangka dapat menjadi beban kewangan yang besar Menurut Yasmin dan Anuar (2017), pengetahuan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar simpanan. Individu yang mempunyai tahap kewangan yang tinggi akan mempunyai simpanan yang tetap. Ini kerana mereka mempunyai pengetahuan dalam menguruskan kewangan peribadi mereka. Menurut Nurul Madihah (2017), wang simpanan merupakan simpanan yang dibuat oleh bakal pengantin. Simpanan boleh dilakukan dengan membuat bajet kewangan untuk mencapai sesuatu matlamat. Bagi pasangan yang ingin berkahwin, menurut kajian beliau, simpanan dibuat dengan menabung wang yang diperolehi daripada bekerja. Ada juga yang pasangan yang tidak mempunyai sebarang simpanan dan mereka mula menabung setelah mengambil keputusan untuk berkahwin.

2.6 Sumbangan

Sumbangan merupakan apa-apa yang diberikan sebagai bantuan atau sokongan. Sumbangan dalam perkahwinan bermaksud bantuan yang diberikan oleh ibu bapa, ahli keluarga dan sahabat handai (Nurul Madihah, 2017).

2.7 Pinjaman

Pinjaman yang dimaksud ialah wang yang diberikan kepada seseorang untuk tempoh sementara dan perlu dikembalikan kemudian. Pinjaman merupakan perbelanjaan berbentuk wang yang dipinjam daripada mana-mana pihak. Dalam perkahwinan, hasil pinjaman merupakan sumber perbelanjaan kedua selepas wang simpanan, bahkan ada yang menjadikannya sumber utama. Pinjaman dilakukan melalui ahli keluarga, institusi perbankan atau pinjaman dan pusat gadaian (Nurul Madihah, 2017).

2.8 Tabungan Khas

Tabungan khas daripada komuniti setempat merupakan satu kaedah kerjasama antara komuniti setempat dalam mengumpul dana untuk menampung sebahagian daripada kos

perbelanjaan perkahwinan. Tabungan juga ada yang tidak digunakan untuk tujuan jamuan, malah digunakan untuk menampung elemen lain termasuk hadiah tetamu dan peralatan jamuan (Nurul Madihah, 2017).

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Populasi kajian adalah belia berusia 18 hingga 40 tahun dan menghadirkan diri ke kursus praperkahwinan di Medan Mara, Kuala Lumpur. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini kerana sasaran responen mempunyai ciri-ciri tertentu, iaitu belia yang berusia 18 hingga 40 tahun dan menghadiri kursus praperkahwinan. Borang soal-selidik digunakan sebagai instrumen pengutipan data. Terdapat empat bahagian dalam instrumen soal-selidik iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A meliputi aspek demografi iaitu latar belakang responen. Bahagian B, C dan D pula merupakan persoalan yang diberikan bagi mencapai objektif kajian kedua-duanya iaitu dalam aspek simpan kahwin, perbelanjaan perkahwinan dan sumber kewangan. Hasilnya seramai 85 orang belia menjadi responen. Menurut Cohen (1992) dalam Chua (2006), saiz sampel sebanyak 85 akan mencukupi untuk kajian ini. Analisis data secara deskriptif dipraktiskan dalam keseluruhan perbincangan hasil kajian ini.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

Dalam bahagian hasil ini akan membincangkan tentang data yang diperolehi. Data responen kajian memenuhi ciri-ciri responen yang dikehendaki iaitu belia yang terlibat adalah belia yang berusia 18 tahun hingga ke 40 tahun dan menghadiri kursus praperkahwinan. semua keputusan yang diperolehi dibentang dalam bentuk carta pai dan juga jadual. Hasil kajian kajian ini akan memaparkan analisa data bagi latar belakang responen, simpanan kahwin responen, anggaran perbelanjaan perkahwinan dan sumber kewangan responen untuk meraikan majlis pekahwinannya.

4.1 Profil Responen

Jadual 1 menunjukkan profil responen. Hasil kajian menunjukkan bilangan responen yang terlibat dalam kajian ini. Bilangan responen lelaki yang terlibat adalah seramai 46 orang manakala responen perempuan adalah seramai 39 orang. Dapat dilihat bilangan responen tertinggi adalah pada umur 26 hingga 30 tahun sebanyak 39 orang (46%). Manakala bilangan paling rendah adalah pada umur 36 hingga 40 tahun, iaitu sebanyak 3 orang (4%). Seterusnya, responen yang berumur ≤ 25 tahun memperolehi bilangan responen sebanyak 36 orang (42%) manakala responen yang berumur 31 hingga 35 tahun adalah sebanyak 7 orang (8%). Seterusnya, majoriti responen mempunyai taraf pendidikan pada peringkat sekolah menengah iaitu seramai 30 orang responen. Manakala jumlah minoriti responen adalah pada taraf pendidikan tidak bersekolah, sekolah rendah dan master/PHD iaitu masing-masing dengan jumlah seorang. Bagi elemen pekerjaan pula, majoriti responen bekerja dengan peratusan sebanyak 94% dan peratusan yang tidak bekerja adalah sebanyak 6%.

JADUAL 1. Profil Responden

| Latar belakang responden | | Bilangan | Peratus |
|------------------------------------|--------------------|-----------------|----------------|
| Jantina: | Lelaki | 46 | 54.1 |
| | Perempuan | 39 | 45.9 |
| Umur: | ≤ 25 tahun | 36 | 42.4 |
| | 26 -30 tahun | 39 | 45.9 |
| | 31 - 35 tahun | 7 | 8.2 |
| | 36 - 40 tahun | 3 | 3.5 |
| Taraf Pendidikan: Tidak bersekolah | | 1 | 1.2 |
| | Sekolah rendah | 1 | 1.2 |
| | Sekolah menengah | 30 | 35.3 |
| | Persijilan/Diploma | 29 | 34.1 |
| | Ijazah pertama | 23 | 27.1 |
| | Master/PHD | 1 | 1.2 |
| Pekerjaan: | Tidak bekerja | 5 | 5.9 |
| | Bekerja | 80 | 94.1 |
| Pendapatan: | <RM 1000 | 4 | 4.7 |
| | RM1000-RM2999 | 53 | 62.4 |
| | RM3000-RM4999 | 14 | 16.5 |
| | RM5000-RM6999 | 4 | 4.7 |
| | RM7000-RM8999 | 3 | 3.5 |
| | RM9000 dan ke atas | 2 | 2.4 |
| | Tiada Pendapatan | 5 | 5.9 |
| Asal: | Kuala Lumpur | 38 | 44.7 |
| | Selangor | 27 | 31.8 |
| | Melaka | 1 | 1.2 |
| | Johor | 4 | 4.7 |
| | Pinang | 5 | 5.9 |
| | Kedah | 1 | 1.2 |
| | Kelantan | 2 | 2.4 |
| | Pahang | 1 | 1.2 |
| | Sabah | 4 | 4.7 |
| | Perlis | 1 | 1.2 |
| | Terengganu | 1 | 1.2 |


Pendapatan responden pula kebanyakannya responden mempunyai pendapatan di antara RM1000 hingga ke RM2999 iaitu sebanyak 53 (62.4%). Seterusnya diikuti dengan 14 (16.5%) responden yang berpendapatan sebanyak RM 3000 hingga ke RM4999. Minoriti responden berpendapatan RM9000 dan ke atas dengan jumlah responden 2(2.4%). Berdasarkan jadual tersebut juga, majoriti responden adalah berasal daripada Kuala Lumpur dengan bilangan seramai 38 orang responden. Kemudian diikuti dengan jumlah responden 27 orang yang berasal dari Selangor. Jumlah minoriti adalah responden yang berasal dari Melaka, Kedah, Pahang, Perlis dan Terengganu masing-masing dengan jumlah seorang seperti yang ditunjukkan di jadual tersebut.

4.2 Simpanan Kahwin

Simpanan kahwin dalam kajian ini menekankan sama ada responden mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin atau tidak. Kemudian, dibincangkan pula alasan tentang perbuatan tersebut.

4.2.1 Simpanan Khusus untuk Berkahwin

Rajah 1 menunjukkan peratusan responden yang membuat simpanan khusus untuk berkahwin. Seramai 85 orang responden, 74 (96%) daripadanya adalah responden yang mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin. Dalam kalangan 74 orang responden yang menyimpan tersebut, 42 orang responden adalah terdiri daripada lelaki dan 32 responden adalah perempuan. Manakala dalam kalangan 4 peratus yang tidak mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin tersebut, terdiri daripada 7 orang perempuan dan 4 orang lelaki.



RAJAH 1. Simpanan Khusus untuk Berkahwin

4.2.2 Alasan Mempunyai Simpanan Khusus untuk Berkahwin

Jadual 2 menunjukkan alasan yang dipersetujui oleh responden berkaitan dengan simpanan khusus untuk berkahwin. Kebanyakannya bersetuju bahawa simpanan khusus untuk perkahwinan adalah tanggungjawab diri sendiri iaitu dengan bilangan responden sebanyak 59 (69.4%). Diikuti dengan alasan ‘saya merasakan simpanan khusus perkahwinan adalah untuk meringankan beban ibu bapa’ iaitu dengan bilangan responden sebanyak 50 (58.8%). Seterusnya, alasan responden yang mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin adalah kerana mereka daripada latar belakang keluarga yang sederhana iaitu seramai 47 (55.3%) responden.

JADUAL 2. Alasan Bagi yang Mempunyai Simpanan Khusus untuk Berkahwin

| Alasan | Bilangan (%) |
|---|--------------|
| Saya merasakan simpanan khusus untuk perkahwinan adalah tanggungjawab diri sendiri. | 59 (69.4) |
| Simpanan khusus untuk perkahwinan adalah untuk meringankan beban ibu bapa. | 50 (58.8) |
| Saya daripada latar belakang keluarga yang sederhana. | 47 (55.3) |
| Simpanan khusus untuk perkahwinan adalah bagi memenuhi keperluan belanja kahwin yang tinggi. | 35 (41.2) |
| Simpanan khusus untuk perkahwinan adalah untuk membantu individu untuk mengecapi impian perkahwinannya. | 34 (40) |

Bagi alasan ‘simpanan khusus untuk perkahwinan adalah bagi memenuhi keperluan belanja kahwin yang tinggi’ memperolehi bilangan responden yang paling minimum iaitu 34 (40%). Oleh itu, di dalam jadual 2 tersebut menunjukkan responden yang mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin mempunyai alasan berbuat sedemikian.

4.2.3 Alasan tidak Mempunyai Simpanan Khusus untuk Berkahwin

Jadual 3 menunjukkan alasan bagi responden yang tidak mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin. Majoriti responden bersetuju dengan alasan ‘bebanan hutang seperti bayaran bulanan kenderaan, insurans dan sebagainya melebihi pendapatan’ merupakan alasan mereka tidak mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin. Manakala bagi bilangan minoriti tidak mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin adalah pada alasan ‘tidak bekerja dan tidak mempunyai pendapatan’ iaitu merupakan seorang wanita yang memberi alasan tersebut. Selain itu, ada juga responden yang tidak mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin kerana membuat pinjaman untuk berkahwin’ dan ‘perbelanjaan perkahwinan ditanggung oleh ibu bapa sepenuhnya’. Bagi yang perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh ibu bapa, responden terdiri daripada golongan wanita.

JADUAL 3. Alasan Bagi yang tidak Mempunyai Simpanan Khusus untuk Berkahwin

| Alasan | Bilangan (%) |
|---|--------------|
| Tidak bekerja; tidak mempunyai pendapatan. | 1 (1.2) |
| Membuat pinjaman untuk berkahwin. | 3 (3.5) |
| Perbelanjaan perkahwinan ditanggung oleh ibu bapa sepenuhnya. | 3 (3.5) |
| Mempunyai simpanan untuk masa hadapan, tetapi tidak khusus untuk berkahwin. | 4 (4.7) |
| Bebanan hutang (seperti bayaran bulanan kenderaan, insurans dsb) melebihi pendapatan. | 6 (7.1) |

Walau bagaimanapun, ada juga responden yang mempunyai simpanan kewangan untuk masa hadapan tetapi tidak khusus untuk berkahwin. Selalunya, bagi responden yang sebegini mereka tidak merancang kewangan spesifik untuk sesuatu perkara seperti berkahwin. Ada simpanan yang dilakukan untuk menghadapi hari-hari apabila berlakunya kecemasan. Simpanan adalah penting kerana seseorang individu tidak mengetahui apa yang akan berlaku pada masa akan datang (Anon, 2010). Wang harus disimpan untuk membayar peristiwa atau kecemasan yang tidak dijangka.

4.2.4 Pandangan berkaitan Simpanan Khusus Perkahwinan

Jadual 4 menunjukkan pandangan responden berkaitan simpanan khusus perkahwinan. Kesemua responden iaitu 85 orang responden bersetuju dengan ‘simpanan khusus untuk kahwin membolehkan individu merancang perbelanjaan mengikut kemampuan’. Manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah pada kenyataan ‘simpanan khusus untuk kahwin sukar dilakukan kerana wang juga perlu untuk membayar komitmen lain seperti pinjaman kereta, pinjaman pendidikan, kad kredit, insurans dan lain-lain’. Hal ini menjelaskan bahawa dengan komitmen kewangan yang ada, responden sukar untuk membuat simpanan khusus untuk berkahwin. Majoriti responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berpendapatan di antara RM1000 hingga ke RM 2999 iaitu seramai 31 orang responden daripada 50 orang responden.

JADUAL 4. Pandangan berkaitan Simpanan Khusus Perkahwinan

| | Pandangan berkaitan simpanan khusus perkahwinan | Bilangan (%) | |
|-----|--|--------------|------------|
| | | Ya | Tidak |
| i | Simpanan khusus untuk kahwin membolehkan individu merancang perbelanjaan mengikut kemampuan. | 85 (100) | 0 (0) |
| ii | Simpanan khusus untuk kahwin mengelakkan pasangan daripada berhutang. | 84 (98.8) | 1 (1.2) |
| iii | Simpanan khusus untuk kahwin membolehkan pasangan untuk mengecapi impian perkahwinan mereka. | 82 (96.5) | 3 (3.5) |
| iv | Simpanan khusus untuk kahwin dapat mengurangkan beban kewangan individu untuk meraikan majlis perkahwinan. | 82 (96.5) | 3 (3.5) |
| v | Simpanan khusus untuk kahwin sukar dilakukan kerana wang juga perlu untuk membayar komitmen lain (seperti pinjaman kereta, pinjaman pendidikan, kad kredit, insurans dsb.) | 50 (58.8) | 35 (41.2) |

Secara kesimpulannya, rata-rata responden bersetuju dengan kenyataan-kenyataan pada Jadual 4. Walaupun terdapat responden yang tidak mempunyai simpanan khusus untuk berkahwin, namun mereka mempunyai pandangan dan pengetahuan berkaitan dengan simpanan khusus perkahwinan. Rata-rata bersetuju bahawa simpanan khusus perkahwinan boleh meringankan beban ibu bapa, mengelakkan diri daripada berhutang, boleh mengecapi impian perkahwinan dan meringankan beban kewangan.

4.3 Perbelanjaan Perkahwinan

Perbelanjaan perkahwinan dalam kajian ini akan merujuk kepada item yang menjadi keutamaan untuk majlis perkahwinan belia pada masa kini serta nilai anggaran perbelanjaan bagi setiap perkhidmatan tersebut. Tambahan lagi, boleh dilihat nilai maksimum seta purata bagi setiap item yang disenaraikan. Seterusnya, perbelanjaan perkahwinan ini akan menunjukkan anggaran keseluruhan bagi perbelanjaan yang diperlukan untuk meraikan majlis perkahwinan responden yang terlibat.

4.3.1 Pilihan Utama Perkhidmatan dalam Majlis Perkahwinan

Jadual 5 menunjukkan perkhidmatan yang menjadi pilihan utama responden dalam persediaan majlis perkahwinan responden. Majoriti responden dengan bilangan 64 (75.3%) mengatakan pakej katering adalah perkhidmatan yang paling utama dalam majlis perkahwinan mereka. Diikuti dengan jemputan kad kahwin dengan bilangan responden sebanyak 62 (72.9%). Seterusnya, bilangan yang paling minimum adalah pada perkhidmatan candy corner iaitu seramai 7 (8.2%) responden sahaja yang menggunakan perkhidmatan ini dalam majlis perkahwinan mereka. Mereka terdiri daripada 5 orang lelaki dan 2 perempuan. Bagi perkhidmatan rawatan kecantikan badan, terdapat 16 (18.8%) responden yang ingin menggunakan perkhidmatan ini. Di antara 16 responden tersebut, 9 daripadanya adalah perempuan. Manakala 7 lagi adalah lelaki. Hal ini menunjukkan perbezaan tidak terlalu ketara. Ada juga lelaki yang mementingkan rawatan kecantikan badan sebelum berkahwin.

Error! Reference source not found. 5 menunjukkan perkhidmatan yang menjadi pilihan utama dalam persediaan majlis perkahwinan mereka. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa pakej katering, kad kawin, pakej busana dan pelamin, fotografi *pre wedding, indoor* dan *outdoor*, pakej andaman dan lokasi perkahwinan adalah antara 6 elemen

yang teratas bagi perkhidmatan yang menjadi pilihan utama dalam persediaan majlis perkahwinan mereka.

JADUAL 5. Perkhidmatan yang menjadi pilihan utama dalam persediaan majlis perkahwinan

| Perkhidmatan yang menjadi pilihan utama dalam persediaan majlis perkahwinan. | Bilangan (%) | |
|--|--------------|-----------|
| | Ya | Tidak |
| 1 Pakej katering | 64 (75.3) | 21 (24.7) |
| 2 Kad kawin | 62 (72.9) | 23 (27.1) |
| 3 Pakej busana dan pelamin | 60 (70.6) | 25 (29.4) |
| 4 Fotografi pre wedding, indoor dan outdoor | 51 (60) | 34 (40) |
| 5 Pakej andaman | 48 (56.5) | 37 (43.5) |
| 6 Lokasi | 48 (56.5) | 37 (43.5) |
| 7 Door gift | 45 (52.9) | 40 (47.1) |
| 8 Photo booth | 20 (23.5) | 65 (76.5) |
| 9 Rawatan kecantikan badan | 16 (18.8) | 69 (81.2) |
| 10 Hiburan | 14 (16.5) | 71 (83.5) |
| 11 Candy corner | 7 (8.2) | 78 (91.8) |

4.3.2 Anggaran Perbelanjaan Perkahwinan

Jadual 6 menunjukkan anggaran perbelanjaan perkahwinan responden. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah maksimum anggaran perbelanjaan perkahwinan responden adalah pada perkhidmatan pakej katering iaitu dengan nilai maksimumnya sebanyak RM33500. Nilai purata bagi pakej katering adalah sebanyak RM7091.76. Kemudian, anggaran perbelanjaan yang kedua tertinggi adalah lokasi perkahwinan dengan nilai maksimum RM 30000 dan purata sebanyak RM1734.71. Hal ini kerana hanya seorang responden sahaja yang masing-masing meletakkan nilai anggaran perbelanjaan lokasi perkahwinan sebanyak RM12000, RM20000 dan RM30000. Majoritinya responden tidak menyatakan nilai anggaran perbelanjaan lokasi perkahwinan.

Bagi aspek anggaran perbelanjaan untuk hantaran, nilai maksimum yang diperolehi adalah sebanyak RM25000 dengan nilai purata RM6770.59. Terdapat seorang responden yang mempunyai taraf pendidikan Master/PHD meletakkan anggaran perbelanjaan sebanyak RM10000, manakala seorang lagi responden yang mempunyai taraf pendidikan Ijazah Pertama meletakkan anggaran perbelanjaan hantaran sebanyak RM25000. Jika dibandingkan, taraf pendidikan kurang mempengaruhi perbelanjaan hantaran.

Namun begitu, kebanyakan responden meletakkan nilai anggaran perbelanjaan hantaran sebanyak RM10000 dengan bilangan responden seramai 30 orang daripada 59 orang responden yang menjawab anggaran perbelanjaan ini. Bagi anggaran perbelanjaan yang paling rendah dalam perkahwinan adalah pada elemen kad kahwin dan juga *candy corner* dengan masing-masing mempunyai nilai maksimum anggaran perbelanjaan sebanyak RM 1000. Namun begitu, nilai puratanya berbeza iaitu masing-masing dengan nilai RM207.18 dan RM79.76. Secara keseluruhannya, anggaran perbelanjaan perkahwinan pada masa kini agak

tinggi lebih-lebih lagi terdapat pelbagai jenis perkhidmatan yang disediakan kepada bakal pengantin.

JADUAL 6. Anggaran Perbelanjaan Perkahwinan

| Perbelanjaan Perkahwinan | Min. | Mak. | Purata | Sisihan piawai |
|---|-------------|-------------|---------------|-----------------------|
| Hantaran | 0 | 25000 | 6770.59 | 6035.881 |
| Mas kahwin | 0 | 8000 | 582.56 | 1330.551 |
| Kad kahwin | 0 | 1000 | 207.18 | 248.033 |
| Pakej andaman | 0 | 7000 | 508.24 | 1089.775 |
| Rawatan kecantikan badan | 0 | 3000 | 130.59 | 366.864 |
| Pakej katering | 0 | 33500 | 7091.76 | 8428.921 |
| Pakej busana dan pelamin | 0 | 10000 | 1445.27 | 1903.185 |
| Door gift | 0 | 3000 | 635.53 | 774.544 |
| Fotografi pre wedding, indoor dan outdoor | 0 | 5000 | 960.00 | 1218.405 |
| Photo booth | 0 | 1500 | 115.29 | 283.686 |
| Candy corner | 0 | 1000 | 79.76 | 230.620 |
| Hiburan | 0 | 5000 | 218.24 | 765.508 |
| Lokasi | 0 | 30000 | 1734.71 | 4541.004 |

4.3.3 Anggaran Perbelanjaan secara Keseluruhan

Rajah 2 menunjukkan anggaran perbelanjaan secara keseluruhan oleh 85 responden yang terlibat. Anggaran perbelanjaan keseluruhan yang paling tinggi adalah di antara RM10 000 hingga ke RM15 999 dengan bilangan responden sebanyak 24 orang. Responden yang terlibat adalah majoritinya berasal dari Kuala Lumpur dengan bilangan tertinggi responden 11 orang daripada 24 responden. Tambahan lagi, 19 daripada 24 orang responden ini memperolehi pendapatan pekerjaan di antara RM1000 hingga ke RM2999. Kemudian diikuti dengan anggaran perbelanjaan secara keseluruhan sebanyak RM 16 000 hingga ke RM20 999 dengan bilangan responden sebanyak 21 orang. 9 orang responden berasal dari Kuala Lumpur, 7 responden dari Selangor, 2 responden masing-masing dari Sabah dan Kelantan serta seorang responden berasal dari Johor.

Majoritinya berpendapatan RM1000 hingga ke RM2999 namun terdapat seorang responden masing-masing berpendapatan di antara RM7000 hingga ke RM8999 dan RM9000 dan ke atas. Anggaran perbelanjaan paling minimum adalah di antara RM26 000 hingga ke RM30 999 iaitu sebanyak 7 orang responden. 3 orang responden berasal dari Kuala Lumpur, 2 orang responden dari Pinang dan seorang dari Johor.

4.3.4 Sumber Kewangan Perkahwinan

Jadual 7 menunjukkan sumber kewangan perkahwinan yang diperolehi oleh responden untuk membuat persiapan perkahwinan. Terdapat 80 (94.1%) responden yang sumber kewangan perkahwinannya diperolehi daripada simpanan atau tabungan sendiri. Daripada jumlah tersebut, 45 daripadanya adalah lelaki dan 35 perempuan. Hal ini dapat dilihat lelaki lebih banyak menyimpan berbanding perempuan kerana perbelanjaan perkahwinan mengikut adat Melayu juga hantaran diberi oleh lelaki kepada perempuan. Nilai wang hantaran yang diletakkan oleh keluarga pihak perempuan juga semakin meningkat pada hari ini (Nurul Madihah, 2017). Maka tidak hairanlah apabila jumlah lelaki lebih ramai berbanding perempuan dalam simpanan tabungan sendiri ini.

JADUAL 7. Sumber Kewangan Perkahwinan

| Sumber kewangan | Bilangan (%) | |
|---|---------------------|--------------|
| | Ya | Tidak |
| Simpanan atau tabungan sendiri | 80 (94.1) | 5 (5.9) |
| Sumbangan tunai ibu bapa | 38 (44.7) | 47 (55.3) |
| Sumbangan tunai abang, kakak, adik dan sahabat handai | 25 (29.4) | 60 (70.6) |
| Sumbangan tunai ahli keluarga lain | 19 (22.4) | 66 (77.6) |
| Pinjaman bank | 12 (14.1) | 73 (85.9) |
| Pinjaman daripada keluarga dan sahabat handai | 5 (5.9) | 80 (94.1) |
| Tanggungan tunai ibu bapa (keseluruhan) | 4 (4.7) | 81 (95.3) |
| Kumpulan dana daripada komuniti setempat | 3 (3.5) | 82 (96.5) |
| Pinjaman pajak gadai | 1 (1.2) | 84(98.8) |

Seterusnya, terdapat 12 (14.1%) responden yang sumber kewangannya adalah pinjaman bank. Majoritinya terdiri daripada lelaki iaitu dengan jumlah 8 orang responden. Hal ini boleh dikaitkan walaupun lelaki menyimpan duit, namun masih lagi perlu sumber kewangan lain seperti peminjaman bank. Selain itu, mereka ini mempunyai tahap pendidikan Persijilan/Diploma iaitu dengan jumlah 5 orang responden, Sekolah Menengah iaitu seramai 4 orang responden dan yang memegang Ijazah Pertama pula seramai 3 orang responden. Kemudian, terdapat 4 orang responden yang sumber kewangannya dibawah tanggungan ibu bapa secara keseluruhannya. 3 daripadanya adalah perempuan. Tahap pendidikan responden yang terlibat adalah Sekolah Menengah dan Persijilan/Diploma.

Berdasarkan Jadual 7 juga, terdapat seorang responden yang sumber kewangannya daripada pinjaman pajak gadai. Responden tersebut ialah seorang lelaki. Mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah dan berpendapatan RM3000 hingga ke RM4999. Selain dari itu, anggaran perbelanjaan keseluruhan responden ini adalah sebanyak RM21 000 hingga ke RM25 999. Dengan anggaran perbelanjaan perkahwinan yang agak tinggi, kebarangkalian simpanan tidak mencukupi sehingga menjurus responden ini untuk membuat pinjaman pajak gadai.

5. Kesimpulan

Hasil menunjukkan jumlah responden lelaki mempunyai simpanan untuk berkahwin yang lebih tinggi berbanding perempuan. Hal ini kerana perbelanjaan untuk berkahwin lebih kepada lelaki kerana mengikut adat orang Melayu tradisional, pemberian hantaran diberi oleh lelaki kepada perempuan. Walaupun adat tradisional diguna pakai, terdapat perbezaan dengan masa kini iaitu pelbagai jenis perkhidmatan moden yang disediakan seperti *candy corner*, fotografi *prewedding*, *indoor* dan *outdoor* serta pakej-pakej lain. Selain daripada itu, kajian ini juga menunjukkan beberapa jenis sumber kewangan yang bakal digunakan oleh responden untuk meraikan majlis perkahwinannya. Walaupun responden mempunyai simpanan sendiri, ada diantara mereka yang menerima sumbangan daripada pihak-pihak lain, misalnya sumbangan ahli keluarga, pinjaman daripada keluarga, kumpulan dana daripada komuniti setempat dan sebagainya. Secara tuntasnya, perancangan kewangan dalam kajian ini dapat mengenalpasti sama ada responden yang terlibat mempunyai simpanan perkahwinan atau

tidak, mengenalpasti item perkhidmatan dan anggaran perbelanjaan perkahwinan mereka dan mengenalpasti sumber kewangan yang diperolehi untuk perkahwinan mereka. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu belia untuk lebih bijak merancang perbelanjaan untuk berkahwin pada masa akan datang.

Rujukan

- Anon. (2010). Family Economics & Financial Education. <https://financeinthe classroom.org/downloads/WhatSavingswhyimportant.pdf>
- Chua Lee Chuan. (2006). Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen Statistical Power Analysis: A Comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*. Jilid 7: 82.
- Fahami Ekonomi Keluarga. 8 Disember 2015. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/12/98601/fahami-ekonomi-keluarga>
- Garman, E. T. & Forgue, R. E. (2006). *Personal Finance*. 8th Edition. New York: Houghton Mifflin Company.
https://www.researchgate.net/publication/289774725_Public_worker's_personal_financial_planning_process_and_involvement_in_comprehensive_financial_planning
- Husniyah A.R. dan Mohd Amin. (2013). Public Worker's Personal Financial Planning Process and Involvement in Comprehensive Financial Planning.
- Josephine T., Nayda I. T., Vervill M. & Michael G. (2008). Money and marriage: A spending plan. <Https://rvs.umn.edu/Uploads/EducationalMaterials/406ddd01-2442-48ed-8213-b1e2ad5d6358.pdf>
- Kapoor, Dlabay & Hughes. (2012). *Personal Finance*. 4th Edition. Mc Graw-Hill Companies.
- Khairuddin dan Fauzi. (2016). Impian dan realiti majlis perkahwinan orang Melayu Masakini: Kajian kes di pinggir Bandar Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(7): 1-12.
- Liezel Alsemgeest & Chrizaan Grobbelaar. (2015). *Spouse' Views of Gender Roles; Financial Management in Marriage*. *Journal of Economic and Financial Sciences*. 8(3):843-860.
- Masalah Kewangan Jadi Punca Utama Konflik Perkahwinan. 9 Disember 2014. <https://bm.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=845075>
- Md Abdul Jalil, Dzuljastri Abdul Razak and SM Ferdous Azam. (2013). Exploring factors influencing financial planning after retirement: Structural Equation Modeling Approach. *American Journal of Applied Sciences*. 10 (3): 270-279.
- Muhammadiyah Yogyakarta, Dr. Indah Fatmawati, S.E., M.Si. Irawan, Yossie Rossanty, dan Muhammad Dharma Tuah Putra Nasution. (2018). *Financial Literacy for Family Welfare Within Financial Planning. The 4th International Conference on Management Sciences*.
- Noraihan, Hasmida dan Syaiful. (2013). Hubungan antara amalan pengurusan kewangan pelajar dam kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi-Satu Kajian Kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Technical and Education Colloquium (TEC)* PTSB. 25-31.
- Normaizatul Akma Saidi, Nurul Ayuni Khairuddin, Nurul Azlina Abu Samat, Nurul Azween A. Rahman & Nurul Fadzlina Abdul Jalil. (2016). Determinants of financial problems among adults. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 1(1) September, 18-23.
- Norsyahidah Norazam & Norasmah Othman. (2017). Kualiti pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. 1(1): 183-193.

- Oliver Braun & Guenter Schmidt. (2018). A reference model for personal financial planning. https://www.researchgate.net/publication/226247440_A_Reference_Model_for_Personal_Financial_Planning
- SYH Noorul Madihah. (2017). Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah. Tesis Dr. Fal, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Thulasimani Munohsamy. (2015). Personal Financial Management. Institut Teknologi Brunei. <https://www.researchgate.net/publication/279198054>
- Willis, L. E. (2008). Evidence and Ideology in Assessing the Effectiveness of Financial Literacy Education. Scholarship at Penn Law. Paper 206. Retrieved online at http://lsr.nellco.org/upenn_wps/206
- Yasmin dan Anuar. (2017). Tahap Literasi Kewangan di Kalangan Mahasiswa. https://www.researchgate.net/publication/321049902_TAHAP_LITERASI_KEWANGAN_DI_KALANGAN_MAHASISWA
- Zyneb Copur dan Isil Eker. (2014). The Relationship Between Financial Issues and Marital. *International Journal of Art and Sciences* 07(05):683-69. https://www.researchgate.net/publication/289536989_The_relationship_between_financial_issues_and_marital_relationship